

## Selidiki keberkesanan nilai-nilai MIB



SEBAHAGIAN penghulu dan ketua kampung yang terlibat dalam projek Penyelidikan Penghayatan Falsafah / Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) anjuran Majlis Tertinggi MIB dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 14 Februari. - Buat julung-julung kalinya penyelidikan mengenai penghayatan Falsafah / Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang diadakan memfokuskan kepada penduduk yang bermastautin di daerah ini.

Projek penyelidikan anjuran Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong juga melibatkan soal selidik terhadap para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Perolehan dan maklumat balas yang didapati daripada penyelidikan dan kajian ini amatlah berguna sebagai bahan rujukan dan sandaran untuk terus mengorak langkah serta *mengusai* dan membaiki kekurangan yang dihadapi bagi memperkukuhkan lagi pengalaman serta penghayatan rakyat dan penduduk di negara ini terhadap nilai-nilai MIB.

Penyelidikan scumpama ini mempunyai kepentingannya tersendiri antaranya akan dapat menjadi penanda aras untuk menambahkan kegiatan, membuat polisi dan pmbaikan-pmbaikan terhadap keberadaan MIB dalam kehidupan orang Brunei.

Selain itu dapatan daripada penyelidikan tersebut juga akan dapat dijadikan rujukan bagi kepentingan perancangan yang bersifat pendidikan, sosial, ekonomi, agama, budaya dan kebangsaan, selain dapat dijadikan sandaran perbandingan tentang kefahaman dan penghayatan MIB di daerah-daerah yang lain.

Pelaksanaan projek adalah selaras dengan tugas dan peranan MTMIB bagi penguatkuasaan pengalaman dan penghayatan nilai-nilai MIB dan juga membuat penyelidikan dan kajian sejauh mana keberkesanan nilai-nilai tersebut dalam amalan kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

## Penyelidikan ilmiah ukur tahap penghayatan MIB



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah berucap melancarkan Projek Penyelidikan Penghayatan Falsafah / Konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

TEMBURONG, Sabtu, 14 Februari. - Sudah 30 tahun Melayu Islam Beraja (MIB) diwahana dan diwacanakan, namun ukur timbang atau paras takat pengalaman dan penghayatan MIB belum ada ukuran ber sistemik atau diselidik secara baik.

Oleh itu Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) mengambil inisiatif mengadakan satu projek penyelidikan ilmiah bagi menentukan 'parasarah' penghayatan penduduk di negara ini terhadap MIB.

Majlis Pelancaran Projek Penyelidikan Penghayatan Falsafah / Konsep MIB itu disempurnakan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, di Dewan Belalong,

Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Dalam ucapan pelancarannya, Awang Haji Abdul Hamid berkata, akan dapat menyuntik semangat patriotik dan kebrucian dalam kalangan keseluruhan rakyat dan penduduk khususnya generasi muda di daerah ini untuk merancang dan melakukan sesuatu penyelidikan yang berkebaikan ke atas diri mereka, agama, masyarakat dan negara.

Dalam kesempatan ini, Awang Haji Abdul Hamid menyeru para penghulu dan ketua-ketua kampung supaya memberikan kerjasama padu dan jujur agar projek tersebut dapat mencapai matlamatnya dengan scumpurna.

Sementara itu Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, selaku Setiausaha / Ketua Urus Setia MTMIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis Pelancaran menjelaskan pengalaman dan penguatkuasaan nilai-nilai MIB dalam kehidupan seharian adalah amat penting sebagai *firewall* dalam menghadapi era globalisasi dan untuk mengekalkan ketulenan kebrucian yang diwarisi sekian lama.

"Sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa konsep MIB itu adalah *firewall* untuk kita menghadapi cabaran dan unsur-unsur negatif impak dari perkembangan arus globalisasi," ujarnya.

Antara objektif majlis tersebut

yang dianjurkan oleh MTMIB dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu ialah untuk mengesan dan menyimpulkan 'parasarah' penghayatan MIB, di samping untuk mengenal pasti sebab-sebab MIB kurang diperhatikan dalam perilaku kehidupan dalam keluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Dengan adanya projek penyelidikan scumpama ini diharap akan dapat melihat sejauh mana norma-norma dan nilai jati diri 'kebruneian' itu berkesinambungan bagi mengukuhkan MIB.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan, selaku Setiausaha / Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi MIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong yang juga selaku Pengerusi Bersama semasa berucap pada Majlis Pelancaran Projek Penyelidikan Penghayatan Falsafah / Konsep MIB.

## Betulkan tanggapan negatif pada lepasan UNISSA

Justeru, tanggapan negatif yang melihat prospek kerjaya yang sempit bagi para graduan UNISSA adalah perlu diperbetulkan.

Hakikatnya tambah beliau, para graduan UNISSA ini memiliki keistimewaan yang tersendiri. Mereka ini bukan sahaja dibekalkan ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang keagamaan, malah juga diberikan pendedahan melalui latihan industri bagi mempersiapkan mereka sebelum menempuh alam kerjaya yang sebenar serta pembentukan jati diri yang kukuh dengan pegangan akidah yang mantap dan seterusnya dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Boleh dikatakan, jelasnya, mereka yang nimba ilmu di UNISSA insyaaAllah akan mendapat dua ganjaran atau saham, iaitu saham dunia, di mana kepelbagaian ilmu akademik yang dimiliki dapat menjamin kehidupan yang sejahtera di dunia, sementara saham akhirat pula ialah pogaan ilmu agama sebagai bakan untuk di alam kekal nanti.

Ini bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum penubuhan UNISSA melalui titah baginda pada tahun 2006, iaitu untuk menjadikan UNISSA ini sebuah pusat pengajian tinggi Islam tulen yang akan menjadi *landmark* di dunia dan juga di akhirat insyaaAllah.

Hari Terbuka dan Hari Kerjaya UNISSA 2015 dimeriahkan dengan Lawatan Kampus (Campus Tour)

khusus bagi orang ramai agar mereka dapat merasai gambaran suasana kehidupan pembelajaran di UNISSA.

Selain daripada itu, beberapa orang alumni UNISSA juga akan turut sama terlibat dengan menyampaikan taklimat dan berkongsi pengalaman mereka ketika berada di UNISSA.

Booth bagi setiap fakulti dan pusat yang ada di UNISSA juga turut diadakan yang mempamerkan struktur organisasi dan aktiviti masing-masing.

Jawatankuasa Promosi

Pembelajaran UNISSA berharap agar Hari Terbuka dan Hari Kerjaya UNISSA akan dapat dijalankan dengan jayanya dan mencapai matlamat yang diharapkan. Semoga usaha ini akan menjadi penyumbang kepada kemajuan dan perkembangan UNISSA.

Antara yang menyertai Hari Terbuka UNISSA ialah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkhiah, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkhiah dan Attorney General's Chambers.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga dari kiri) semasa hadir pada Hari Terbuka UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menegaskan, prospek kerjaya para graduan UNISSA, ramai yang beranggapan bahawa lepasan UNISSA hanya layak atau sesuai ditempatkan dalam lingkungan jawatan yang berkaitan dengan keagamaan sahaja.

Tanggapan ini sebenarnya kurang tepat, ini kerana sejak UNISSA melahirkan para graduannya yang pertama pada tahun 2011, telah terbukti bahawa para graduan UNISSA telah berkhidmat dalam pelbagai bidang kerjaya sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, Rektor UNISSA berucap demikian

pada Hari Terbuka UNISSA, katanya, berdasarkan statistik menunjukkan bahawa sebahagian para graduan UNISSA telah bertugas sebagai Pegawai Penasihat Undang-Undang, Pegawai Pelaburan, Pegawai Kewangan, Pegawai Kadet Tentera, Pegawai Pendidikan, Pensyarah, Peguam, Pegawai Kaunselor, Penolong Pendaftaran, Penolong Juruaudit, Pendakwa Raya, Pegawai Perhubungan Awam, selain Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam, Pegawai Ugama, Guru Ugama dan sebagainya.

Malah jawatan-jawatan akademik dan bukan akademik di UNISSA juga sedang menanti permohonan graduan-graduan yang cemerlang dan mencukupi syarat untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang ada, insyaaAllah.



PARA pelajar mendengarkan penerangan mengenai subjek yang ditawarkan di UNISSA dari seorang pegawai dari UNISSA.